

BAB LIMA



BAB LIMA

PENGGUNAAN TEMBIKAR DALAM HUKUM ADAT

5.1 Pengenalan

Menurut tradisi masyarakat Iban mereka takut ditimpa bencana, sekiranya melakukan pelanggaran dalam hukum adat. Keadaan ini boleh mengakibatkan kematian dalam keluarga tersebut dan juga mungkin musim kemarau panjang dan musim tengkujuh akan berlaku.

Ini merupakan satu petanda buruk terhadap sesebuah keluarga atau sesebuah rumah panjang itu. Dalam masyarakat Iban keadaan ini mesti ada penyebabnya, mengapa sesuatu perkara itu berlaku. Ini disebabkan masyarakat itu penuh dengan hukum adat dari hidup sehingga mereka meninggal dunia. Lazimnya, yang menyebabkan malapetaka berlaku ialah pantang-larang dan pelanggarannya.

Bagi mengimbangi keharmonian itu, maka elemen-elemen itu hendaklah dipujuk, dibela semula dan yang amat penting ia perlu dipuja dengan tiga kaedah. Kaedah yang pertama ialah ‘genselan’²⁰ dengan mengorbankan babi atau ayam.

²⁰ ‘Genselan’ ialah sejenis adat Iban bagi menjaga keharmonian antara manusia dengan manusia dan antara manusia dengan tuhan mereka. Untuk tujuan tersebut, orang Iban hendaklah mengorbankan babi atau ayam dan darah haiwan tersebut diletakkan di dalam pinggan ‘piring’ (pinggan tembikar prasejarah) sebagai makanan tuhan.

Kaedah yang kedua pula ialah membayar hukum adat dalam bentuk ‘kering semangat’²¹ iaitu membayar dalam bentuk besi contohnya paku, sabit, parang, beliung, kapak dan kaedah yang ketiga ialah ‘kurung semangat’²² dengan membayar hukum adat dalam bentuk tempayan. Ini bermakna seseorang yang dikenakan denda harus membayar denda tersebut dengan sebuah tempayan. Jika seseorang itu gagal untuk berbuat demikian, mungkin seseorang itu akan jatuh sakit dan seterusnya boleh menyebabkan kematian.

5.2 Tembikar Dalam Hukum Adat Tentang Pembinaan Rumah Panjang

Masyarakat Iban secara mudah tinggal di rumah panjang. Mereka terdiri daripada sebuah komuniti kampung dan setiap pintu bilik adalah dihuni oleh sebuah keluarga yang lengkap dengan ruang-ruang yang diperlukan. Ketua rumah panjang di kenali sebagai ‘Tuai Rumah’ dan ketua bilik dikenali sebagai ‘Tuai Bilik’.

Seterusnya ialah pengkaji akan menghuraikan hukum adat tradisi masyarakat Iban dan juga Adat Iban 1993 yang terdapat di negeri Sarawak. Lazimnya sebelum rumah panjang dibina, ‘Tuai Rumah’ hendaklah memanggil mesyuarat kesemua anak buah rumah panjang tersebut.

²¹ ‘Kering Semangat ialah membayar denda dalam bentuk besi seperti paku, parang, beliung dan sebagainya dan orang yang berkaitan hendaklah menggigit besi tersebut. Tujuannya adalah agar mana-mana pihak yang terlibat tidak kalah semangat terhadap kuasa luar biasa dan mereka dipercayai sentiasa berserangat tinggi dalam melakukan pelbagai bentuk pekerjaan.

²² ‘Kurung Semangat’ ialah menggunakan tempayan untuk mengurung semangat seseorang. Tujuannya agar semangat seseorang itu tidak dapat dipisahkan oleh kuasa syaitan daripada badannya.

Dalam mesyuarat tersebut mereka perlu menetapkan beberapa perkara seperti berikut :

- (i). Tapak rumah panjang yang baharu
- (ii). Jumlah keluarga yang akan tinggal di rumah panjang itu
- (iii). Peruntukan ruang bilik siapa dan di mana
- (iv). Perkara-perkara lain yang berkaitan

Jika terdapat seseorang yang pada awalnya bersetuju untuk mendirikan rumah panjang, kemudian ia membina rumah itu sendiri di tempat lain, maka orang itu akan didenda sebanyak dua ‘pikul’ iaitu bermaksud bersamaan dengan dua ratus ringgit bagi orang biasa. Jika ‘Tuai Rumah’ yang mungkir janji beliau akan dikenakan denda sebanyak tiga ‘pikul’ iaitu bersamaan dengan tiga ratus ringgit. Sesiapa yang gagal membina bilik, sedangkan bahan-bahan telah pun siap, seseorang itu akan dikenakan denda iaitu :

1. Hukuman manusia dengan manusia dikenali sebagai ‘tunggu’. ²³ Jumlah nilai ‘tunggu’ adalah bergantung kepada ringan atau berat sesuatu kesalahan yang telah dilakukan oleh seseorang itu. Nilai ‘tunggu’ seperti kesalahan tersebut ialah sebanyak enam belas ‘Mungkul’ dan membayar dengan sebuah tempayan. ‘Tunggu’ bermaksud orang yang bersalah dikehendaki membayar denda sebanyak 16

²³ Lazimnya, sesiapa yang melanggar hukum adat di rumah panjang akan ‘ditunggu’ dalam bentuk sebuah tempayan atau pinggan tembikar. Jika seseorang pesalah itu, tidak mempunyai sebarang peralatan tembikar, ia dikehendaki membayar ‘tunggu’ tersebut dengan serpihan mangkuk atau serpihan pinggan tembikar. Ini menunjukkan betapa miskin sesebuah keluarga itu dalam masyarakat Iban. Oleh sebab itu, sesebuah keluarga masyarakat Iban membeli sebeberapa banyak barang tembikar sebagai satu simbol atau lambang kekayaan keluarga tersebut dalam masyarakat.

‘Mungkul’ iaitu bersamaan dengan RM16.00. Manakala ‘Mungkul’ bermaksud tempayan ‘tunggu’. Jika ditukar nilai kepada matawang, satu ‘Mungkul’ sama dengan nilai satu ringgit, manakala maksud ‘pikul’ adalah merujuk kepada ringgit. Pengkaji ingin menjelaskan di sini bahawa motif-motif atau nilai motif yang terdapat pada sesebuah tempayan itu adalah menentukan nilai sesebuah ‘tunggu’ tersebut.

2. Jika kesalahan yang dianggap sebagai kuasa luar biasa atau kesalahan terhadap kepercayaan ia disebut sebagai ‘genselan’ (adat yang dikenakan kepada pesalah dengan sembelihan binatang untuk memohon restu dan keampunan daripada tuhan) dalam bentuk seekor ayam atau seekor babi, persembahan ‘kering semangat’ dalam bentuk besi seperti parang, kapak atau beliung. Ia bertujuan supaya tidak kalah semangat kepada kuasa luar biasa.

3. ‘Kurung semangat’ dalam bentuk ‘Mungkul’ atau lebih dikenali sebagai tempayan atau ‘kebok’ supaya semangat tidak lari atau dengan perkataan lain supaya orang berkenaan tidak ditimpa bencana. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut, sila rujuk di lampiran A, gambar ‘Tempayan Mungkul’ yang lazimnya digunakan untuk ‘kurung semangat’ dalam hukum adat Iban yang terdapat pada gambar nombor 14.

Menurut informan Simpai Anak Dabong (95), jika sesebuah rumah panjang telah siap dibina, masyarakat Iban akan cuba melihat nasib sama ada tanah itu sesuai atau tidak untuk didiami. Jika terdapat sesiapa yang memusnahkan tanda-tanda, akan

dikenakan ‘tunggu’ lapan ‘Mungkul’ (RM8.00) dan ‘genselan’ seekor ayam serta ‘kering semangat’.

Masyarakat Iban yang merosakkan atau mengotorkan tapak rumah panjang akan dikenakan denda lapan ‘Mungkul’, ‘genselan’ seekor ayam dan ‘kering semangat’. Jika sesiapa didapati bersalah memusnahkan tiang rumah panjang atau bahan-bahan rumah yang lain seperti atap, dinding, maka seseorang itu akan dikenakan ‘tunggu’ lapan ‘Mungkul’, ‘genselan’ seekor ayam dan ‘kering semangat’.

Jika gagal menegakkan tiang bilik pada jangka masa yang telah ditetapkan, ia akan dikenakan denda enam belas ‘Mungkul’. Seseorang itu harus mengikut jadual atau waktu yang telah ditetapkan atau sesiapa yang telah menegakkan tiang, kemudian cabut balik tiang, ‘tunggu’ enam belas ‘Mungkul’, ‘genselan’ seekor babi, ‘kering semangat’ dan ‘kurung semangat’ dengan ‘Pinggai Tuai’ (pinggan tembikar prasejarah) yang diletakkan di atas lubang untuk menutup lubang yang digali.

Jika ada penghuni rumah panjang yang mendirikan rumahnya tidak mengikut susunan seperti yang telah ditetapkan akan dikenakan ‘tunggu’ sebanyak 16 ‘Mungkul’ atau enam belas ringgit, memberi adat ‘genselan’ dengan seekor babi, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ dengan sebuah tempayan.

Jika telah membawa barang-barang seperti kelambu, peralatan tenunan kain pua kumbu dan peralatan lain untuk berpindah ke rumah panjang yang lain tetapi tidak jadi, dia dikenakan ‘tunggu’ sebanyak 16 ‘Mungkul’ atau enam belas ringgit, adat ‘genselan’ dengan seekor babi, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ dengan sebuah tempayan.

Dalam hukum adat masyarakat Iban, secara umumnya setiap perlakuan yang dilakukan semasa pembinaan rumah panjang akan dikawal dengan penuh disiplin. Setiap perlanggaran yang dilakukan akan dikenakan denda oleh ‘Tuai Rumah’ berdasarkan hukuman pada sesuatu rumah panjang itu. Hukum adat ini masih kuat dipraktikkan hingga ke hari ini. Contohnya, jika terdapat sesiapa selepas menegakkan tiang bilik, kemudian gagal untuk memasang lantai akan dikenakan ‘tunggu’ lapan ‘Mungkul’, ‘genselan’ seekor ayam, ‘kering semangat’ dan ‘kurung semangat’ berupa sebuah tempayan kecil.

Apabila ada salah seorang ahli keluarga sakit, orang yang bersalah akan dikenakan ‘adat kerasan’ (yang bermaksud pada hari kita melakukan perlanggaran hukum adat dan pada hari itu juga orang yang berkaitan itu mati) sebanyak 16 ‘Mungkul’, ‘genselan’ seekor babi, ‘kering semangat’ dan ‘kurung semangat’. Sebaliknya apabila ada orang mati, orang yang bersalah akan dikenakan ‘adat kerasan’ 32 ‘Mungkul’, ‘genselan’ seekor babi (babi bunting sahaja), ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ dengan menggunakan tempayan.

Setiap rumah panjang masyarakat Iban ada memiliki kawasan lapang yang dikenali sebagai ‘payung rumah’ atau halaman rumah seluas 20 ela di sekeliling tiang rumah panjang. Sesiapa pun tidak dibenarkan untuk menanam apa-apa pokok di dalam ‘payung rumah’ (kawasan halaman rumah panjang) itu. Sekiranya ada pokok yang tidak ditebang, kemudian pokok itu menghempap orang ramai, tuan punya pokok tadi akan dikenakan denda untuk membayar kos perubatan orang yang cedera dalam bentuk matawang. Kalau ada orang yang mati, kena bayar pampasan iaitu dikenali sebagai ‘pati nyawa’.

5.3 Tembikar Dan Hukum Adat Pantang-larang Di Rumah Panjang

Masyarakat Iban juga menggunakan pantang-larang yang lain yang perlu dipatuhi. Mengikut adat Iban, sebelum pindah ke bilik rumahnya, seseorang itu adalah dibolehkan untuk membina dapur tetapi tidak dibenarkan diisi dengan tanah. Jika sesiapa yang melanggar adat ini maka orang itu akan dikenakan ‘tunggu’ lapan ‘Mungkul’, ‘genselan’ seekor ayam, serta ‘kering semangat’.

Seseorang yang hendak berpindah ke rumah panjang yang lain, mesti membayar ‘genselan’ kepada rumah yang lama. Jika gagal untuk berbuat demikian mereka akan dikenakan denda lapan ‘Mungkul’. Jika ada orang mati, pesalah akan dikenakan ‘adat keresan’ sebanyak 32 ‘Mungkul’.

Seseorang yang telah bersiap untuk berpindah tetapi akhirnya tidak jadi, akan ‘ditunggu’ lapan ‘Mungkul’, ‘genselan’ seekor ayam, ‘kering semangat’ dan ‘kurung semangat’ dengan sebuah tempayan. Sebaliknya jika ada orang mati kerana pesalah tidak membayar ‘genselan’, pesalah akan dikenakan ‘adat kerasan’ sebanyak 32 ‘Mungkul’.

Jika sesiapa berpindah ke rumah panjang orang lain tanpa kebenaran daripada Penghulu atau ‘Tuai Rumah’, maka dia akan dikenakan denda sebanyak dua ‘pikul’ atau dua ratus ringgit, ‘tunggu’ sebanyak 200 ‘Mungkul’ atau dua ratus ringgit, adat ‘genselan’ dengan seekor babi, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ menggunakan sebuah tempayan.

Jika sesiapa berpindah ke rumah panjang lain, dia tidak dibenarkan menanggalkan perabung rumah dan mengambil mana-mana perkakas rumah, jika berbuat demikian, dia akan dikenakan denda dua ‘pikul’ atau dua ratus ringgit, ‘tunggu’ sebanyak 200 ‘Mungkul’ atau dua ratus ringgit, ‘genselan’ dengan seekor babi, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ menggunakan sebuah tempayan.

Jika sesiapa menghalau orang untuk berpindah ke rumah panjang lain, kemudian orang yang dihalau itu terus berpindah, maka orang yang menghalau itu akan dikenakan denda ‘sepikul’ atau satu ratus ringgit, ‘tunggu’ sebanyak 100 ‘Mungkul’ atau satu ratus ringgit, adat ‘genselan’ dengan seekor babi, ‘kering

'semangat' dengan sebilah parang dan 'kurung semangat' menggunakan sebuah tempayan.

Jika seseorang menggunakan khidmat Penghulu atau 'Tuai Rumah' untuk membahagi ladang, maka kedua-dua belah pihak harus mengeluarkan 'genselan' yang disebut sebagai 'Adat Basu Kaki' atau membasuh kaki dengan darah seekor ayam, 'kering semangat' dengan sebilah parang, 'kurung semangat' menggunakan sebuah tempayan dan diikuti dengan adat 'Mungkul' empat buah tempayan.²⁴

Jika seseorang menggunakan khidmat Penghulu atau 'Tuai Rumah' untuk membahagi padi, 'ubat padi' (azimat padi), 'kayu burung' (kayu azimat untuk kesejahteraan hidup), maka kedua-dua belah pihak harus mengeluarkan adat 'genselan' yang disebut sebagai 'Adat Basu Kaki' (membasuh kaki) dengan darah seekor ayam, 'kering semangat' sebilah parang, 'kurung semangat' menggunakan sebuah tempayan dan disusuli dengan adat 'Mungkul' empat buah tempayan.

Jika ada tetamu bertandang, kemudian dia meninggal dunia di rumah panjang tersebut dan mayatnya dituntut oleh keluarga si mati, maka keluarga tersebut akan dikenakan 'tunggu' sebanyak 16 'Mungkul' atau enam belas ringgit, 'genselan' dengan sekor babi, 'kering semangat' dengan sebilah parang dan 'kurung semangat'

²⁴ Dalam masyarakat Iban, apabila disebut 'Mungkul' ia adalah merujuk kepada tempayan 'tunggu'. Dalam masyarakat Iban tradisional, pesalah dikehendaki membayar 'tunggu' dengan tempayan atau pinggan mangkuk, tetapi apabila masyarakat mula berkembang maju, tempayan atau lebih dikenali dengan panggilan 'Mungkul' ditukar nilainya kepada matawang agar memudahkan orang tersebut untuk menyimpan atau membawa balik bayaran 'tunggu' berkenaan. Namun demikian, tempayan masih digunakan untuk membayar 'tunggu' kerana sesetengah kesalahan itu tidak dapat dibayar dengan nilai matawang.

dengan sebuah tempayan. Jika ada orang yang melanggar pantang-larang ‘manang’ (shaman) yang sedang mengubat orang sakit, maka dia akan dikenakan ‘tunggu’ sebanyak empat ‘Mungkul’ atau empat ringgit, ‘genselan’ dengan seekor ayam, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ menggunakan sebuah tempayan.

Jika menebang pokok pisang atau pokok buluh orang lain tanpa kebenaran, dia akan dikenakan ‘tunggu’ sebanyak empat ‘Mungkul’, ‘genselan’ dengan seekor ayam, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ menggunakan sebuah tempayan.

Menurut informan ‘Tuai Rumah’ Batang Anak Ambon (81), sesiapa yang didapati merosakkan para atau dapur orang lain, seseorang itu akan ‘ditunggu’ sebanyak 16 ‘Mungkul’ dan ‘genselan’ seekor ayam. Menurut Batang lagi, masyarakat Iban yang telah mendiami rumah baharunya, dapur harus digunakan sekali dalam masa 30 hari. Jika gagal berbuat demikian akan ‘ditunggu’ sebanyak empat ‘Mungkul’, ‘genselan’ seekor ayam, dan ‘kering semangat’ dengan sebuah tempayan.

Sekiranya terdapat sesiapa membina pondok di hujung dan di pangkal rumah panjang, orang yang menghalang harus merobohkan pondok tersebut dan kemudian dia akan dikenakan ‘tunggu’ sebanyak 16 ‘Mungkul’, ‘genselan’ seekor ayam dan ‘kering semangat’. Pondok itu mesti dirobohkan dalam masa 30 hari, jika gagal

berbuat demikian akan dikenakan lima ‘Mungkul’ sebulan (membayar dengan lima buah tempayan sebulan).

Juga kepada sesiapa yang dengki contohnya merosakkan tangga rumah orang lain, pesalah akan dikenakan ‘tunggu’ empat ‘Mungkul’, ‘genselan’ seekor ayam dan ‘kering semangat’. Jika mematahkan tangga, dia akan dikenakan denda ‘tunggu’ empat ‘Mungkul’, ‘genselan’ seekor ayam dan ‘kering semangat’.

Masyarakat Iban amat mementingkan adat menjaga rumah panjang dengan baik. Contohnya lantai rumah yang tidak dipaku, atau lantai rumah jongkang-jongket. Jika terdapat orang terjatuh di hadapan rumah, ‘Tuai Rumah’ akan dipersalahkan. Dalam kes ini, pesalah akan dikenakan denda ‘tunggu’ lapan ‘Mungkul’, ‘genselan’ seekor ayam, dan ‘kering semangat’.

Dalam pada itu, orang yang jatuh tidak boleh marah. Jika orang itu marah dan bertindak boleh dikenakan denda ‘tunggu’ lapan ‘Mungkul’, ‘genselan’ seekor ayam, ‘kering semangat’ dan ganti rugi atau pampasan dalam bentuk matawang terhadap harta yang telah dimusnahkan.

5.4 Tembikar Dalam Hukum Adat Tentang Salah Laku Di Rumah Panjang

Masyarakat Iban menggalakkan masyarakatnya hidup bersatu-padu dan harmoni. Jika berlaku percaduhan, mereka yang bersalah akan dikenakan ‘tunggu’

lapan ‘Mungkul’, dan jika yang bergaduh ahli satu keluarga akan dikenakan ‘tunggu’ sebanyak 16 ‘Mungkul’.

Jika sesiapa mengancam orang lain untuk tujuan bertumbuk di tepi rumah atau di tempat lain, jika berlaku bencana atau kematian di rumah panjang itu, orang yang bersabit dengan kesalahan itu akan dikenakan adat ‘Mungkul’ empat buah tempayan, ‘adat kerasan’ iaitu ‘Mungkul’ 32 buah tempayan atau tiga puluh dua ringgit, adat ‘genselan’ dengan seekor babi, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ menggunakan sebuah tempayan.

Jika melakukan kecurian di rumah panjang, orang yang mencuri itu akan dikenakan denda ‘tunggu’ dengan sebuah ‘tajau’. Dalam masyarakat Iban, sekiranya keluarga yang mencuri itu tidak mempunyai ‘tajau’, maka dengan itu anaknya akan menjadi hamba abdi kepada keluarga yang kecurian barang tersebut sehingga mereka dapat membayar denda atau hukuman itu kepada keluarga yang berkenaan.²⁵

Jika menangkap ikan di kolam orang lain tanpa kebenaran, biasanya ia dikenakan ‘tunggu’ dengan sebuah ‘Jabir’. Jika pencuri itu terdiri daripada keturunan hamba abdi, maka dia hanya dikenakan ‘tunggu’ dengan sebuah serpihan pinggan tembikar. Ini kerana pencuri itu tidak mempunyai sebarang harta yang bernilai

²⁵ Orang Iban selain daripada menanam padi bukit dan padi paya, mereka juga menoreh getah dan berkebun lada. Hasil daripada wang jualan getah dan lada biasanya digunakan oleh mereka untuk membeli tempayan dan pinggan mangkuk tembikar. Kesemua barang tersebut menjadi satu kepuasan dan kebanggaan bagi mereka.

contohnya tempayan. Hukum adat jenis tersebut digunakan di Saribas, sebelum kedatangan agama Kristian di Sarawak.

Jika terdapat sesiapa yang menggunakan harta orang lain tanpa kebenaran, ia akan dikenakan denda ‘tunggu’ sebanyak empat ‘Mungkul’ dan juga, sesiapa yang enggan melakukan kerja-kerja bergotong-royong akan dikenakan denda ‘tunggu’ sebanyak 16 ‘Mungkul’. Jika sesiapa yang menggalakkan anjingnya menggigit atau menyerang orang lain, maka orang itu dikenakan denda ‘tunggu’ empat ‘Mungkul’ dan ‘genselan’ seeokor ayam, ‘kering semangat’ dan membayar ganti rugi kos perubatan dalam bentuk matawang bergantung kepada jenis kecederaan itu.

Jika berlaku pergaduhan kerana fitnah-memfitnah di rumah panjang, orang yang difitnah itu akan meminta ‘Tuai Rumah’ untuk mengadakan satu mesyuarat khas berkaitan dengan perkara itu. Pihak yang bersalah akan dikenakan ‘tunggu’ sebanyak dua ‘Mungkul’ iaitu RM2.00, dan sebuah tempayan.

Wang dua ringgit itu akan dibahagi-bahagikan kepada pemegang-pemegang adat di rumah panjang itu. Pesalah itu seterusnya akan mendapat malu kerana tempayan ‘tunggu’ itu akan digantung di pintu rumah panjang dalam satu jangka masa yang telah ditetapkan. Tujuan tempayan itu digantung sebagai tanda memberi nilai pengajaran kepada semua penghuni di rumah panjang supaya tidak membuat fitnah lagi pada masa akan datang.

Dalam masyarakat Iban terdapat keluarga besar yang terdiri daripada ahli-ahli keluarga seperti datuk, nenek, ibu bapa, anak menantu yang ramai, dan cucu cicit. Apabila anak menantu mendapat sudah tidak serasi lagi untuk tinggal dalam satu keluarga, maka mereka memikirkan untuk membina rumah sendiri.

Telah menjadi satu tradisi, apabila mereka berpindah ke rumah baharu, ketua keluarga akan membahagikan harta pusaka kepada pasangan itu seperti beberapa helai kain pua kumbu, beberapa buah tempayan, gong, gendang, ‘baku’ (bekas tembaga, ‘tabak’ (penutup diperbuat daripada tembaga), dan pinggan mangkuk.

Pembahagian harta juga akan diberi kepada anak-anak, jika anak lelaki atau anak perempuan keluarga itu ‘nguai’ iaitu tinggal bersama dengan keluarga isteri atau keluarga suami, maka mereka akan memperolehi harta pusaka seperti kain pua kumbu, meja batu marmar, tempayan, gong, dan beberapa keping pinggan mangkuk purba. Pembahagian harta pusaka tersebut dilihat sebagai perkara wajib dalam masyarakat Iban, dan ini kerana ia mencerminkan penghormatan dan kemuliaan perhubungan antara dua buah keluarga itu dan juga sebagai satu lambangkekayaan dalam masyarakat Iban.

Kehidupan masyarakat Iban di rumah panjang adalah bertunjangkan kepada hukum adat tradisi mereka yang diwarisi sejak turun-temurun lamanya. Selain daripada adat menjaga keharmonian hidup di rumah panjang, terdapat juga adat

tentang kematian seperti mayat si mati tidak boleh dikuburkan di puncak bukit dan di tanah kebun sendiri. Ia mesti dikuburkan di kawasan perkuburan biasa.

Sesiapa yang didapati melanggar adat ini, akan dikenakan denda sebanyak tiga ‘pikul’ atau tiga ratus ringgit, ‘Pelasi Menua’ ‘Mungkul’ 200 atau dua ratus ringgit, adat ‘genselan’ dengan seekor babi, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ menggunakan sebuah tempayan. Kemudian mayat si mati hendaklah digali semula dan dikuburkan di kawasan perkuburan biasa.

Jika sesiapa menebang pokok kayu dan menghempap perkuburan, dia dikenakan denda sebanyak dua ‘pikul’ setengah iaitu dua ratus lima puluh ringgit, ‘tunggu’ sebanyak 150 ‘Mungkul’ atau satu ratus lima puluh ringgit, adat ‘genselan’ dengan seekor babi, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ menggunakan sebuah tempayan. Kemudian pesalah itu dikehendaki membayar kos kerosakan yang telah dilakukannya.

Jika sesiapa yang didapati tidak sengaja membakar kubur, dia akan dikenakan denda dua ‘pikul’ setengah atau dua ratus lima puluh ringgit, ‘tunggu’ sebanyak 150 ‘Mungkul’ atau satu ratus lima puluh ringgit, ‘genselan’ dengan seekor babi, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ menggunakan sebuah tempayan. Kemudian pesalah juga dikehendaki membayar kos kerosakan kubur itu.

Jika sesiapa mencuri cenderamata si mati di kuburnya seperti tempayan, gong, dan sebagainya, dia akan dikenakan denda dua ‘pikul’ atau dua ratus ringgit, ‘tunggu’ sebanyak 200 ‘Mungkul’ atau dua ratus ringgit, adat ‘genselan’ dengan seekor babi, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ menggunakan sebuah tempayan. Barang-barang yang telah dicuri itu hendaklah dikembalikan semula ke kubur atau diganti dengan barang-barang yang baharu, jika barang tersebut telah rosak.

5.5 Tembikar Dalam Adat-Istiadat Mengambil Anak Angkat Atau Adik Angkat

Menurut Lata Anak Matong (75), pada masa dahulu, masyarakat Iban tradisional suka pergi ‘ngayau’ (ekspedisi perang). Dalam ekspedisi perang tersebut, masyarakat Iban memperolehi banyak kepala musuh serta ramai musuh telah dapat ditewaskan dan dipenggal kepalanya. Kemudian, semua kepala musuh yang telah dipenggal itu dibawa balik ke rumah. Ia menunjukkan bahawa mereka yang berjaya membawa balik kepala musuh diiktiraf sebagai ‘Bujang Berani’. Pahlawan-pahlawan Iban amat bangga dengan gelaran tersebut kerana mereka merupakan wira yang handal.

Lantaran itu, jika terlalu ramai musuh dibunuh, kadang-kala musuh-musuh yang masih hidup itu ditangkap dan dibawa balik ke rumah kemudian musuh-musuh itu dijadikan sebagai hamba abdi.²⁶

Satu kepala musuh sama dengan nilai dua orang musuh yang ditangkap. Masyarakat Iban tidak suka menangkap musuh, tambahan pula mereka pergi ‘ngayau’ hanya menggunakan sebuah perahu kecil dan perahu itu tidak dapat untuk memuatkan musuh-musuh yang ditangkap dan sebaliknya mereka lebih suka memenggal kepala musuh mereka. Mana-mana musuh yang berjaya ditangkap terus menjadi hamba abdi dalam keluarga masyarakat Iban.

Menurut Lata lagi, tradisi menyimpan hamba abdi dalam masyarakat Iban telah dikemukakan oleh para pembesar masyarakat Iban semasa pemerintahan James Brooke di Sarawak pada awal abad ke-18 Masehi. Tambahan pula, pada masa itu James Brooke telah membawa ramai mubaligh Kristian untuk menyebarkan agama tersebut kepada masyarakat tempatan khasnya masyarakat Iban. Masyarakat Iban yang ada menyimpan hamba abdi sedar bahawa tradisi hamba abdi itu adalah satu perkara yang bertentangan dengan akidah agama Kristian.

Masyarakat Iban juga sedar bahawa pahlawan-pahlawan mereka memang gemar untuk menjalankan aktiviti ‘ngayau’. Semakin ramai musuh yang mereka

²⁶ Hamba abdi dalam konteks masyarakat Iban ialah mereka bekerja keras bagi memberi kesenangan kepada keluarga yang mereka diami, contohnya bertanam padi, bekerja di kebun dan sebagainya. Selain daripada itu, semasa pergi ke ladang, mereka lah yang membawa barang keperluan tuannya seperti parang, makanan, pinggan mangkuk dan sebagainya. Namun demikian, mereka adalah diberi layanan yang baik oleh tuan mereka.

tangkap, maka semakin ramai orang yang akan menjadi hamba abdi dalam keluarga masyarakat Iban dan perkara tersebut terus berlarutan. Lantaran itu, para pembesar masyarakat Iban telah bekerjasama dengan pemerintahan Sarawak iaitu, Charles Brooke, untuk menghapuskan sama sekali tradisi hamba abdi dalam masyarakat Iban pada awal abad ke-19 Masehi.

Bagi tujuan tersebut, satu upacara khas telah diadakan bersempena dengan penghapusan tradisi hamba abdi itu. Dalam upacara itu, masyarakat Iban telah berikrar bahawa mereka mengaku semua hamba abdi itu adalah merupakan sanak-saudara angkat mereka.

Dalam istiadat ini, ada beberapa syarat sebagai satu tanda yang mereka tidak lagi menjadi hamba. Tandanya adalah berupa sebuah ‘tajau’ dan sebilah lembing. ‘Tajau’ itu sebagai tanda simbolik berakhirnya tradisi hamba abdi di Sarawak. Selain daripada itu, masyarakat Iban berikrar bahawa semua hamba abdi itu adalah adik-beradik mereka yang sebenar. ‘Tajau’ juga berfungsi sebagai harta benda yang melambangkan simbol kekayaan dan memiliki martabat yang tinggi dalam masyarakat Iban.

Itulah simboliknya ‘tajau’ digunakan bagi menandakan tamatnya hamba abdi di kalangan masyarakat Iban pada ketika itu. Dalam masyarakat Iban, ‘Tajau’ merupakan sejenis barang yang mempunyai nilai dan martabat yang amat tinggi.

Lantaran itu, semua hamba abdi itu disamakan nilainya dengan ‘tajau’ atau dengan perkataan lain ertiannya hamba abdi itu seperti adik-beradik kepada masyarakat Iban.

Selain daripada itu, ‘tajau’ juga sebagai tanda perdamaian dan sementara leming itu pula digunakan untuk memanah sesiapa sahaja yang menghina status mereka berketurunan hamba abdi atau musuh tangkap perang. Dengan itu tamatnya tradisi hamba abdi dalam masyarakat Iban di Sarawak dengan rasminya.

Menurut informan Anna Durin, (46) pada zaman dahulu berlaku sebuah peristiwa tentang perbezaan status sosial. Peristiwa itu berlaku setelah masyarakat Iban tiba dari Kapuas, Kalimantan, Indonesia ke Ulu Skrang Betong. Ada seorang perempuan bernama Dayang Ridu.

Dia adalah anak kepada seorang ketua masyarakat di Ulu Skrang. Pada masa itu ada seorang lelaki dari keturunan hamba abdi yang bernama Kulong. Lelaki ini mempunyai ketampanan yang luar biasa, bijak, dan berkemahiran dalam hal ehwal kehidupan.

Dayang Ridu yang datang dari keluarga berada dan anak orang yang ternama amat berminat dengan Kulong. Oleh sebab itu, Dayang Ridu membeli Kulong dengan sebuah ‘Tajau Alas’ (nama tempayan) untuk menghapuskan status hamba abdi yang dimiliki oleh Kulong. Maka mereka berdua pun berkahwin dan tidak lama

kemudian mereka berpindah ke Ulu Padeh, Betong dan membuka kawasan petempatan yang baharu di situ sehingga sekarang.

5.6 Tembikar Dan Hukum Adat Iban Tentang Pertanian.

Menurut informan Sambau Anak Sungging (82), dalam masyarakat Iban, aktiviti pertanian adalah merupakan kegiatan utama mereka sepanjang tahun. Mereka bertanam padi sekali setahun, itu pun secara sara diri sahaja. Bagi mereka, setiap langkah sepanjang kerja-kerja bertanam padi itu perlu disertai dengan upacara ritual. Ritual itu bertujuan untuk memohon pertolongan daripada ‘Pulang Gana’ agar dimakbulkan hajat mereka untuk memperolehi hasil tuaian padi yang lumayan. ‘Pulang Gana’ merupakan tuhan masyarakat Iban dalam aktiviti pertanian (Freeman, 1955 : 28).

Oleh itu, apa-apa sahaja kegiatan harus bertunjangkan kepada hukum adat tentang pertanian. Jika sesiapa melanggar hukum adat, boleh menyebabkan orang itu sakit malah boleh membawa maut. Dalam masyarakat Iban, denda atau ‘tunggu’ harus dibayar dalam bentuk ‘kurung semangat’ yang bertujuan agar semangatnya tidak lari atau supaya seseorang itu terlepas daripada malapetaka. ‘Tunggu’ harus dibayar dalam bentuk tempayan atau pinggan tembikar.

Jika sesiapa didapati merosakkan kayu menepok tuah yang memurahkan rezeki ladang, didenda membayar ‘tunggu’ lapan ‘Mungkul’, ‘genselan’ dengan

seekor ayam dan ‘kering semangat’. Sesiapa sahaja yang merosakkan batu pengasah parang, jika bersalah ‘tunggu’ 16 ‘Mungkul’, ‘genselan’ seekor babi, ‘kering semangat’ dan ‘kurung semangat’ dengan menggunakan sebuah tempayan.

Juga sesiapa yang berani mempertikaikan sempadan ladang, dan jika salah seorang didapati mencatas pokok, orang itu dikenakan denda ‘tunggu’ lapan ‘Mungkul’, ‘genselan’ seekor ayam dan ‘kering semangat’. Dalam aktiviti pertanian, masyarakat Iban amat menitikberatkan pantang-larang semasa menanam padi. Lantaran itu, setiap perlanggaran harus dibayar dalam bentuk ‘tunggu’ atau lebih dikenali sebagai denda.

Menurut Enggan Anak Rima (85), jika sesiapa yang didapati bergaduh tentang sempadan ladang semasa berhuma hendaklah diselesaikan dengan upacara menyabung ayam. Upacara tersebut adalah diketuai oleh seorang Penghulu dan ketua kampung. Sekiranya salah seorang mengatakan bahawa dia tetap tidak bersalah sebaliknya menuduh pihak lawan yang sebenarnya bersalah, maka dia dikenakan denda dengan membayar sebuah ‘tajau’ besar, iaitu mesti ‘tajau lelaki’ (sebuah tempayan besar).

Sementara pihak yang satu lagi dikehendaki membayar dengan sebuah ‘tajau’ kecil iaitu ‘tajau’ perempuan. Setiap seorang daripada mereka berdua adalah wajib membayar denda membayar dengan dua buah pinggan tembikar yang masih dalam keadaan baik. Upacara menyabung ayam dimulakan. Sesiapa daripada mereka

berdua yang menang akan memiliki kesemua ‘tajau’, pinggan tembikar dan sempadan ladang itu. Orang yang menang akan dipandang mulia kerana dia telah memiliki kesemua ‘tajau’ dan pinggan tembikar tersebut.

Ini bermakna bertambah banyak barang tembikar yang dimilikinya. Secara tidak langsung ia telah menaikkan status atau kedudukannya dalam masyarakat tersebut. Tambahan pula telah menjadi satu adat dan tradisi bahawa mereka yang berjaya dari segi material (mempunyai tempayan dengan jumlah yang banyak) dan keturunannya akan lebih dihormati oleh masyarakat setempat. Sementara pihak yang kalah tidak mendapat apa-apa sebaliknya dia menerima nasihat sahaja.

Dalam aktiviti pertanian masyarakat Iban, mereka mengamalkan pantang-larang semasa menanam padi. Ada beberapa pantang-larang yang diperhatikan seperti berikut :

- (1) Tidak dibenarkan tidur di ladang atau di kawasan sawah padi. Jika didapati, dia dikenakan ‘tunggu’ enam belas ‘Mungkul’ (RM16.00), ‘genselan’ dengan seekor babi dan membayar ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ dengan sebuah tempayan kecil.

- (2) Sesiapa sahaja adalah dilarang memotong pokok di ladang, jika melakukannya dia dikenakan ‘tunggu’ enam belas ‘Mungkul’ (RM16.00), ‘genselan’ dengan

seekor babi, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ dengan sebuah tempayan.

(3) Semasa aktiviti menanam padi, jika didapati ada orang makan daun sirih di ladang, dia dikenakan ‘tunggu’ sebanyak enam belas ‘Mungkul’ (RM16.00) seekor babi, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ dengan sebuah tempayan.

(4) Dalam masyarakat Iban, terdapat pelbagai jenis padi yang mereka tanam di ladang. Contohnya ‘Padi Patah’ atau dikenali sebagai ‘Padi Pun’ iaitu ia jenis padi yang dianggap suci dalam masyarakat tersebut. Jika ada orang lain yang memijak padi tersebut, dia dikenakan ‘tunggu’ lapan ‘Mungkul’ (RM8.00), seekor ayam, dan ‘kering semangat’ dengan sebilah parang.

(5) Terdapat banyak undang-undang masyarakat Iban bertujuan untuk mewujudkan keharmonian dalam masyarakat tersebut. Untuk mewujudkan keharmonian tersebut, adat Iban melarang orang bertengkar di ladang orang lain, jika didapati dia dikenakan ‘tunggu’ sebanyak empat ‘Mungkul’ (RM4.00), ‘genselan’ dengan seekor ayam, dan membayar ‘kering semangat’ dengan sebilah parang.

(6) Sesiapa yang melalui ladang dan memotong tanaman orang lain, dia dikenakan ‘tunggu’ sebanyak lapan ‘Mungkul’ (RM8.00), ‘genselan’ dengan seekor ayam dan membayar ‘kering semangat’ dengan sebilah parang.

(7) Juga sesiapa yang didapati melalui sawah orang lain tanpa kebenaran serta didapati makan semasa melalui sawah tersebut, dia dikenakan ‘tunggu’ sebanyak empat ‘Mungkul’ (RM4.00), ‘genselan’ dengan seekor ayam, dan membayar ‘kering semangat’ dengan sebilah parang.

(8) Walaupun dalam masyarakat Iban dari aspek ekonomi, adat tidak membenarkan menggunakan perangkap spring. Jika perangkap tersebut terkena kepada manusia, dan orang itu didapati mati, orang yang memasang perangkap tersebut dikenakan ‘tunggu’ sebanyak tiga ‘pikul’ iaitu bersamaan dengan tiga ratus ringgit, ‘pati nyawa’ atau dikenali sebagai pampasan ganti rugi iaitu sebanyak dua ratus ringgit.

Selain daripada itu, juga dikenakan ‘pelasi menua’ iaitu seorang pesalah dikenakan membayar denda dalam bentuk mata wang sebanyak satu ratus ringgit. Kemudian wang tersebut dibahagi-bahagikan kepada semua saudara-mara dan sehabat-handai keluarga si mati itu. Selain daripada itu, pesalah juga dikenakan denda ‘genselan’ dengan seekor babi, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ dengan sebuah tempayan.

(9) Tetapi sekiranya orang yang terperangkap itu hanya cedera, maka orang yang memasang perangkap akan dikenakan denda sebanyak dua ‘pikul’ iaitu sebanyak dua ratus ringgit serta di samping ‘pati nyawa’ sebanyak satu ribu ringgit, juga dikenakan membayar kos perubatan dalam bentuk matawang dan ‘pelasi menua’ sebanyak

seratus ‘Mungkul’ (RM100.00), seekor babi, ‘kering semangat’ dan ‘kurung semangat’ dengan sebuah tempayan.

Menurut informan Chok Anak Rima (90), jika musim membakar ladang, apabila terjumpa bangkai ular ‘Kendawang’, maka satu upacara ritual hendaklah diadakan bagi menyambut kedatangan sesuatu petanda dalam sesebuah keluarga masyarakat Iban. Upacara ‘miring’ harus dijalankan dengan segera. Bangkai ular ‘Kendawang’ tersebut diletakkan dalam sebuah tempayan.

Tempayan itu dipagari dengan batang-batang kayu satu setengah kaki tinggi. Lapan buah ‘piring’ dihidangkan. Tujuh buah ‘piring;’ menggunakan daun ‘buan’, (sejenis daun yang besar terdapat di hutan) sementara satu ‘piring’ lagi menggunakan pinggan tembikar. ‘Piring’ yang menggunakan daun menggunakan ‘piring patah lima’ sementara ‘piring’ yang menggunakan pinggan tembikar menggunakan ‘piring patah lapan’.

Selepas upacara ‘miring’ selesai, tempayan tersebut hendaklah diletakkan di tengah dan dikelilingi oleh ‘piring-piring’ tersebut. ‘Piring’ itu mesti dipagar dengan baik. Sebelum ia dipagar, upacara ‘membiau’ menggunakan dua ekor ayam. Bangkai ular itu diletakkan dalam tempayan kerana ular itu dipercayai masyarakat Iban ialah ‘Anak Petara’ iaitu anak tuhan mereka, yang dihantar khas oleh ‘keluarga Keling’ untuk menghantar ‘pengaruh’ iaitu kuasa sakti kepada seseorang. Disebabkan ular itu kurang berasib baik, ia mati apabila sebaik sahaja tiba di bumi.

Menurut informan Atang Anak Likau (67), semasa musim berhuma, apabila terjumpa seekor pelandok tanpa kepala di ladang, tetapi masih berdarah, satu upacara khas hendaklah diadakan dengan menggunakan pinggan tembikar prasejarah atau dikenali dalam masyarakat Iban sebagai ‘Pinggai Tuai’. Sebuah pinggan ditinggalkan di ladang, sementara pinggan yang satu lagi dibawa balik ke rumah dan diletakkan di dalam ‘koyan padi’ iaitu sebuah stor padi. Pinggan yang tinggal di ladang di pagar dengan anak kayu satu setengah kaki tinggi. Sebelum ia dipagar, ‘piring’ dalam pinggan itu hendaklah ‘dibiau’ dengan dua ekor ayam.

Apabila sampai di rumah, satu lagi upacara ‘miring’ diadakan. Lima jenis piring digunakan. Empat daripadanya menggunakan daun, satu lagi menggunakan pinggan tembikar. Upacara ‘Bebiau’ dijalankan untuk memohon restu daripada ‘Petara’ supaya hajat mereka ditunaikan. Untuk tujuan tersebut seekor ayam telah digunakan. Kemudian, setelah upacara selesai, ‘Pinggan piring’ yang menggunakan pinggan tembikar akan diletakkan di atas ‘tajau’ beras. Ini kerana dengan berbuat demikian ia dipercayai boleh menjadikan hasil tuaian padi yang lumayan dalam sesebuah keluarga masyarakat Iban.

Sementara empat buah ‘piring’ yang menggunakan daun itu, akan diletakkan dengan menggantungkannya di empat penjuru bilik keluarga tersebut. Sebelum ia digantung, ‘piring-piring’ itu hendaklah diletakkan di dalam anyaman yang diperbuat daripada buluh. Ini bertujuan untuk menghormati ‘Petara’. Selepas tujuh hari,

barulah ‘piring’ yang digantung itu boleh diambil, dan ia sebagai tanda menghormati ‘Petara’. Masyarakat Iban percaya bahawa ‘Petara’ telah memakan segala hidangan yang disediakan oleh pengikutnya.

Masyarakat Iban percaya bahawa kuasa luar biasa sentiasa membantu mereka khasnya dalam bidang pertanian. Lantaran itu, setiap perkara ‘pelik’ yang berlaku dalam sepanjang aktiviti pertanian itu dijalankan, akan ada upacara ‘miring’ diadakan. Upacara ‘miring’ itu mesti menggunakan pinggan tembikar prasejarah kerana dengan berbuat demikian menunjukkan bahawa sesebuah keluarga itu telah memberikan sambutan yang amat sempurna kepada ‘Petara’ mereka.

Dengan ini, ‘Petara’ tersebut akan memakbulkan segala hajat, restu dan permintaan keluarga itu, tetapi sekiranya, upacara ‘miring’ dengan menggunakan pinggan tembikar prasejarah tidak dijalankan, dikhawatir sesebuah keluarga itu akan ditimpa bencana pada tahun tersebut. Contoh bencana adalah seperti tidak mendapat hasil tuaian padi yang baik dan boleh berlaku kebuluran dalam keluarga itu. Selain daripada itu, mungkin ada ahli keluarga mereka yang jatuh sakit sehingga menyebabkan berlakunya kematian dalam keluarga tersebut.

5.7 Tembikar Dalam Hukum Adat Masyarakat Iban Berkaitan Larangan Hubungan Kelamin.

Masyarakat Iban amat mlarang keras hubungan kelamin tanpa nikah yang sah di sisi hukum adat. Sesiapa yang didapati bersalah dalam hubungan seks di luar tabii, seseorang itu akan dikenakan denda ‘pelasi menua’ sebanyak seratus ‘Mungkul’ iaitu bersamaan dengan RM100.00, satu ekor ayam, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ dengan sebuah tempayan.

Jika ada mana-mana lelaki yang dianggap melakukan hubungan ‘luar biasa’ dengan lelaki lain (liwat), akan dikenakan denda sebanyak seratus ‘Mungkul’ (RM100.00), ‘genselan’ dengan seekor babi, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ dengan sebuah tempayan.

Jika terdapat seseorang lelaki yang melarikan anak dara orang lain, dengan membelakangkan kedua-dua ibu bapa sebelah perempuan, lelaki itu akan dikenakan denda satu ‘pikul’ atau satu ratus ringgit dan adat ‘tunggu’ sebanyak 150 ‘Mungkul’ atau satu ratus lima puluh ringgit.

Jika sesiapa mungkir janji pertunangan, dan enggan berkahwin pada masa yang telah ditetapkan, maka dia akan dikehendaki mengembalikan semula cincin pertunangan, serta barang-barang lain sebagai tanda pertunangan, dan dikehendaki memberi adat pemalu iaitu sebanyak 50 ‘Mungkul’ atau lima puluh ringgit.

Dalam masyarakat Iban, terdapat undang-undang yang berkaitan dengan sumbang mahram dan dalam kes tersebut kedua-dua pasangan itu dikehendaki membayar denda sama rata. Kemudian adat akan memutuskan bahawa mereka tidak dibenarkan untuk berkahwin sama sekali.

Kategori pasangan yang dilarang keras berkahwin ialah seperti yang berikut :

- (i) **Bapa dengan anak perempuannya.**
- (ii) **Ibu dengan anak lelakinya.**
- (iii) **Adik-beradik yang sama ibu bapanya.**
- (iv) **Menantu dan mertua.**

Jika ia berlaku, mereka akan dikenakan denda sebanyak empat ‘pikul’ iaitu empat ratus ringgit, ‘pelasi menua’ sebanyak empat ratus rimggit, dan bagi setiap kesalahan hendaklah mengorbankan seekor babi, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ dengan sebuah tempayan. Kemudian satu upacara khas hendaklah diadakan dengan segera. Kedua-dua pasangan tersebut diarahkan berbaring di satu tempat khas dengan badan mereka secara bertimpa. Selepas itu mereka dikurung dalam serawan jala. Kemudian mereka direjam sehingga mati dengan menggunakan buluh aur.

(v) Ibu saudara dengan bapa saudara

Mereka akan dikenakan denda sebanyak tiga ‘pikul’ iaitu bersamaan dengan tiga ratus ringgit, ‘pelasi menua’ sebanyak tiga ratus ‘Mungkul’ iaitu bersamaan dengan tiga ratus ringgit, ‘genselan’ dengan seekor babi, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ dengan sebuah tempayan.

(vi) Abang tiri dengan kakak tiri yang sama ibu atau sama bapa tetapi lain ibu

Mereka dikenakan dengan denda sebanyak dua ‘pikul’ iaitu bersamaan dengan dua ratus ringgit, ‘pelasi menua’ sebanyak dua ratus ringgit.

(vii) Ayah dengan anak angkat atau dengan ibu anak angkat

Jika melakukannya, mereka akan dikenakan denda sebanyak dua ‘pikul’ iaitu dua ratus ringgit, ‘pelasi menua’, sebanyak dua ratus ‘Mungkul’ (RM200.00), ‘genselan’ dengan seekor babi, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ dengan sebuah tempayan.

(viii) Bapa saudara dengan anak saudara melalui perkahwinan

Jika melakukannya, mereka akan dikenakan denda dengan membayar dua ‘pikul’ iaitu sebanyak dua ratus ringgit, membayar ‘pelasi menua’ sebanyak dua

ratus ‘Mungkul’ iaitu bersamaan dengan dua ratus ringgit. Kemudian perkahwinan masih boleh diteruskan atau dibatalkan sahaja.

Bagi pasangan yang meneruskan perkahwinan, mereka disuruh mandi menggunakan darah babi. Upacara ini wajib diadakan kerana jika tidak, keturunan mereka akan mendapat sial selamanya dan juga boleh mendatangkan maut. Dalam masyarakat Iban hukum ini amat berat dan mereka yang melakukannya dianggap hina dalam masyarakat tersebut.

(ix) Bapa anak tiri dengan ibu anak tiri atau lelaki dengan emak saudara isteri

Mereka yang melakukannya akan dikenakan denda dua ‘pikul’ iaitu bersamaan dengan dua ratus ringgit, ‘pelasi menua’ sebanyak dua ratus ringgit dan kemudian semua wang itu akan dibahagikan kepada semua saudara mara mereka. Walau bagaimanapun, masyarakat Iban memandang serong kepada bentuk perkahwinan seperti ini, kerana ia memberi imej yang kurang baik kepada keluarga terbabit.

(x) Datuk dengan cucu atau suami dengan nenek isterinya, atau isteri dengan datuk suaminya

Jika melakukannya, mereka akan dikenakan denda sebanyak dua ‘pikul’ iaitu bersamaan dengan dua ratus ringgit, ‘pelasi menua’ sebanyak dua ratus ‘Mungkul’

(RM200.00), ‘genselan’ dengan seekor babi, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang dan ‘kurung semangat’ dengan sebuah tempayan.

(xi) Sepupu dibenarkan berkahwin

Dalam masyarakat Iban, saudara sepupu dan saudara dua pupu adalah dibenarkan kahwin. Jika mereka berkahwin mereka hendaklah dikenakan dengan denda ‘pelasi menua’ sebanyak enam belas ‘Mungkul’ iaitu bersamaan dengan enam belas ringgit, ‘genselan’ dengan dua ekor babi. Seekor babi untuk ‘genselan’ pasangan di kaki tangga rumah panjang, sementara seekor lagi disembelih dan darahnya digunakan untuk mereka mandi. Pasangan tersebut mandi dengan menggunakan darah babi kerana dengan berbuat demikian, mereka boleh membersihkan badan mereka daripada sebarang bencana.²⁷

Di samping itu juga, pasangan tersebut dikehendaki membayar denda dalam bentuk sebatang lembing, sehelai ‘kain beragi’ iaitu kain songket tenunan masyarakat Iban, sebilah pedang panjang, sehelai kain pua kumbu, ‘kering semangat’ dengan sebilah parang, sebilah beliung, sebuah pinggan tembikar besar, seutas rantai manik, serta ‘kurung semangat’ dengan menggunakan sebuah tempayan besar, dan ‘piring turun tiga’

²⁷ Dalam masyarakat Iban, perkahwinan yang ada pertalian darah adalah dilarang jika boleh, ini kerana bentuk perkahwinan ini dipercayai boleh membawa sial kepada keturunan pasangan tersebut. Oleh sebab itu, jika ia tidak dapat dielakkan, upacara ‘miring’ dan upacara mandi dengan darah babi perlu dilakukan bagi mengelakkan perkara tersebut.

Hukuman tersebut, adalah untuk pasangan yang berkahwin silang pupu. Dalam kes ini, masyarakat Iban menyebutnya sebagai ‘Dua Nanga Tiga’ yang membawa maksud perkahwinan yang berlaku dalam lingkungan antara ahli keluarga yang terdekat.

Jika perkahwinan berlaku dalam lingkungan saudara dua pupu atau tiga pupu, maka mereka akan dikenakan denda ‘Pelasi Menua’ sebanyak lapan ‘Mungkul’ iaitu lapan ringgit setiap seorang, adat ‘genselan’ dengan seekor babi. Babi itu akan disembelih di kaki tangga rumah panjang dan pasangan tersebut dikehendaki memijak darah babi itu sebagai tanda mereka telah memenuhi atau mematuhi hukum adat tersebut agar perkahwinan mereka itu direstui oleh ‘Petara’.

Masyarakat Iban amat mementingkan adat ini, kerana jika pasangan tersebut tidak memenuhi segala syarat yang berbentuk ritual itu, dikhawatir salah seorang daripada pasangan itu akan mendapat bencana.

(xii) Kahwin dengan besan sendiri

Pasangan tersebut dibenarkan berkahwin, tetapi dikehendaki membayar adat ‘Pelasi Menua’ sebanyak lapan ‘Mungkul’ iaitu lapan ringgit setiap seorang, ‘genselan’ dengan seekor babi dan ‘kering semangat’ dengan sebilah parang.

Dalam hukum adat Iban, selain daripada perkahwinan yang bertunjangkan adat tradisi, lelaki dan perempuan yang telah tinggal bersama selama enam malam berturut-turut boleh membuat penerangan kepada ‘Tuai Rumah’ untuk majlis perkahwinan yang sah, tetapi selepas enam malam ibu bapa tidak membuat laporan kepada ‘Tuai Rumah’, maka mereka akan dikenakan ‘tunggu’ sebanyak 50 ‘Mungkul’ atau lima puluh ringgit dan wang denda itu akan disimpan oleh ‘Tuai Rumah’ sebagai wang tanda pantang-larang rumah.

5.8 Tembikar Dalam Hukum Adat Mengenai Perkahwinan

Perkahwinan dalam masyarakat Iban adalah sesuatu perkara yang amat penting. Ia adalah terikat kepada hukum adat yang diamalkan di sesebuah rumah panjang masyarakat tersebut. Perkahwinan merupakan satu lingkaran hidup manusia. Oleh hal yang demikian, ia terikat kepada hukum adat tradisi. Di sini kita melihat peranan tembikar amat penting sebagai pengisian kepada hukum adat masyarakat Iban. Tempayan dan pinggan-mangkuk tembikar digunakan semasa berlangsungnya majlis persandingan di rumah panjang.

5.8.1 Tembikar Dan Adat Perkahwinan

Lazimnya, majlis perkahwinan masyarakat Iban diadakan pada sebelah malam di rumah panjang pengantin perempuan. Dalam majlis perkahwinan tersebut Ketua Kampung rumah panjang akan memberi ucapan sebagai tanda hormat dan

terima kasih kepada rombongan pengantin lelaki. Kemudian disusuli dengan ucapan kedua-dua belah pihak pengantin sebagai tanda permuafakatan dan persetujuan terhadap majlis persandingan itu.

Acara kemuncak dalam majlis persandingan itu ialah pertandingan meminum air tapai. Air tapai disimpan di dalam dua buah pinggan tembikar yang besar saiznya. Seorang wakil daripada pengantin lelaki, manakala seorang lagi daripada wakil pengantin perempuan. Dua orang wakil ini akan berentap untuk meminum air tapai tersebut. Pertandingan ini tidak kira menang atau kalah, kerana kedua-dua mereka tetap membawa balik pinggan tembikar besar itu sebagai hadiah. Sebenarnya acara ini diadakan sebagai memeriahkan lagi majlis perkahwinan itu.

Selain daripada itu, terdapat satu lagi acara yang menggunakan pinggan tembikar. Acara kali ini ialah acara untuk melaga-lagakan buah pinang di dalam pinggan tembikar itu. Kemudian, buah pinang itu dilambung-lambungkan dan jatuh di atas pinggan tersebut. Acara ini diwakili oleh kedua-dua belah pihak pengantin. Tetamu yang hadir amat seronok menyaksikan acara tersebut.

5.9 Tembikar Dan Hukum Adat Perceraian

Dalam masyarakat Iban, pasangan yang bakal berkahwin akan dikenakan beberapa syarat melalui hukum adat. Biasanya syarat-syarat tersebut dijelaskan semasa berlangsung majlis pertunangan. Jika pihak lelaki menceraikan isterinya, dia

dikenakan membayar denda. Denda tersebut adalah bertujuan sebagai ganti rugi untuk menutup malu bagi pihak perempuan. Maka lelaki tersebut dikenakan membayar ganti rugi seperti berikut :

- (i) Sirat kesumba sebelit (kain ela berwarna merah kira-kira lima meter panjangnya)
- (ii) Sangkoh sumpit siti (sebatang lembing)
- (iii) Bebendai atau tawak siti (sebuah gong)
- (iv) Jabir tujuh iti (tempayan Jabir tujuh buah)
- (v) Ayam
- (vi) Babi

Jika sekiranya pasangan yang berkahwin telah mempunyai anak, kemudian mereka bercerai maka semua barang yang tersebut akan dimiliki oleh anak sulung mereka sama ada anak sulung itu lelaki atau perempuan, tetapi jika perempuan yang menceraikan suaminya, maka semua barang itu hendaklah dikembalikan semula kepada pihak lelaki.

Jika seorang perempuan sedang sarat mengandung dan dia menuntut cerai daripada suaminya, maka dia akan dikenakan denda dua ‘pikul’ setengah iaitu sebanyak dua ratus lima puluh ringgit, denda ‘tunggu’ sebanyak 120 ‘Mungkul’ atau sama dengan satu ratus dua puluh ringgit, serta membayar denda sebagai tanda penutup malu sebanyak 50 ‘Mungkul’ atau sama dengan lima puluh ringgit.

Kemudian perempuan itu tidak dapat menuntut apa-apa bentuk saraan untuk anak yang bakal dilahirkan.

Jika suami pula menceraikan isterinya yang sedang sarat mengandung, maka lelaki itu akan dikenakan denda sebanyak dua ‘pikul’ setengah iaitu sama dengan dua ratus lima puluh ringgit, ‘tunggu’ sebanyak 120 ‘Mungkul’ atau satu ratus dua puluh ringgit, membayar perbelanjaan sepanjang tempoh perempuan itu mengandung sebanyak 120 ‘Mungkul’ atau sama dengan satu ratus dua puluh ringgit. Di samping itu, lelaki itu dikehendaki menyara kesemua anak milik bekas isterinya tertakluk kepada jangka masa yang telah ditetapkan oleh Penghulu.

Jika perempuan mengandung tanpa suami, tidak dibenarkan untuk naik ke rumah panjang orang lain. Jika sesiapa melanggar adat ini, dia akan dikenakan denda ‘tunggu’ sebanyak 30 ‘Mungkul’ dan di samping itu, dia juga dikehendaki memberi adat ‘gelsenan’ dengan seekor babi dan ‘kering semangat’ dengan sebilah parang, tetapi jika orang di rumah panjang itu tiba-tiba jatuh sakit atau berlaku kematian, maka perempuan yang mengandung tersebut dikenakan adat ‘keresan’ iaitu sebanyak lapan ‘Mungkul’, ‘gelsenan’ dengan seekor babi, ‘kering semangat’ dan ‘kurung semangat’ dengan sebuah tempayan.

Jika seseorang perempuan yang mengandung tanpa suami kemudian dia mengaku mana-mana lelaki sebagai bapa kepada anaknya, tetapi tidak berjaya, maka perempuan itu akan dikenakan denda setengah ‘pikul’ atau sama dengan lima puluh

ringgit, membayar penutup malu lelaki sebanyak lima puluh 'Mungkul', serta adat 'pelasi menua' iaitu 'genselan' dengan seekor babi, 'kering semangat' dan 'kurung semangat' dengan sebuah tempayan.

Bagi mana-mana pasangan yang telah hidup bersama tetapi belum bernikah secara sah, kemudian perempuan itu mengandung, tetapi lelaki berkenaan enggan berkahwin dengan perempuan tersebut, maka lelaki itu akan dikenakan denda sebanyak dua 'pikul' setengah atau sama dengan dua ratus lima puluh ringgit, membayar kandungan sebanyak 120 'Mungkul' iaitu satu ratus dua puluh ringgit. Di samping itu, ia dikehendaki membayar perbelanjaan sepanjang tempoh perempuan itu mengandung.

5.10 Tembikar Dan Hukum Adat Kelahiran

Menurut informan Manin Anak Matong, (73), upacara kelahiran dalam masyarakat Iban dilakukan dengan amat teliti. Ia bermula dengan sebaik sahaja bayi itu dilahirkan. Potongkan uri bayi tersebut, kemudian uri bayi itu disimpan di dalam sebuah tempayan kecil. Tempayan tersebut hendaklah diletakkan di tepi dapur sehingga uri itu kering sepenuhnya.

Selain daripada itu, terdapat satu kaedah lain untuk menyimpan uri bayi. Sebaik sahaja uri itu dipotong, ia dibungkus dengan kain dan kemudiannya ia digantung di telinga 'tajau'. Masyarakat Iban percaya bahawa uri bayi yang

digantung di telinga ‘tajau’ membolehkan Si pemiliknya dikurniakan dengan kesihatan yang baik sepanjang hayatnya.

5.11 Tembikar Dalam Hukum Adat ‘Ngambi Teboh’

Dalam masyarakat Iban, adat ‘Ngambi Teboh’ ialah satu upacara yang diamalkan bagi menebus kesalahan bayi kerana kecuaian termakan najisnya sendiri. Jika adat ini tidak dijalankan, dikhawatir kesihatan bayi itu akan sentiasa terganggu sepanjang hayatnya. Adat tersebut sebagai tanda memohon keampunan daripada ‘Petara’ supaya bayi itu dikurniakan kesihatan yang baik.

Biasanya perkara tersebut berlaku pada waktu usia bayi enam bulan ke bawah sahaja. Sebaik sahaja bayi diketahui termakan najisnya, maka keluarga bayi tersebut hendaklah memilih sebuah keluarga untuk menyerahkan anaknya. Seterusnya keluarga yang telah dipilih itu akan memberi adat dalam bentuk seutas rantai manik yang dibuat khas untuk bayi tersebut dan menetapkan tempoh untuk menyerahkan semula bayi itu. Dalam jangka masa satu bulan itu, sekiranya bayi tersebut jatuh sakit, rantai manik itu hendaklah disarungkan pada leher Si bayi. Dengan berbuat demikian, kesihatan bayi itu akan pulih seperti sediakala.

Setelah tamatnya tempoh satu bulan seperti yang telah ditetapkan, keluarga bayi akan mengadakan kenduri bagi menandakan tamatnya tempoh ‘Ngambi Teboh’ tersebut. Satu upacara yang dikenali sebagai ‘Ngambi Teboh’ akan diadakan di

rumah keluarga yang telah dipilih itu. Keluarga Si bayi akan membawa pelbagai jenis kuih seperti kuih penyaram, penganan, kuih acuan, pulut yang dimasak dalam buluh dan air tapai.

Semasa kenduri tersebut, penghuni-penghuni di rumah panjang akan ‘begendang’ iaitu bermain pelbagai alat muzik seperti saron, gong dan gendang (rebana). Dalam pada itu, mereka yang hadir dijamu dengan kuh-muih dan air tapai serta air kopi. Bagi mengakhiri upacara adat ‘Ngambi Teboh’, keluarga tersebut memberi bayi seutas rantai manik dan sebuah tempayan. Tempayan itu adalah untuk ‘mengurung semangat’ Si bayi supaya semangatnya tidak dapat dilarikan oleh ‘antu’

5.12 Tembikar Dalam Adat Menindik Lubang Di Cuping Telinga

Masyarakat Iban sememangnya amat kaya dengan hukum adat. Salah satu adat yang dipraktikan ialah adat menindik lubang di cuping telinga. Upacara khas itu diadakan hanya untuk anak sulung perempuan. Biasanya upacara tersebut dijalankan serentak dengan pesta ‘Gawai’, contohnya ia boleh dijalankan semasa ‘Gawai Mandi Rumah’, ‘Gawai Kenyalang’, ‘Gawai Benih Padi’ dan sebagainya.

Menurut Kunang Anak Empeliau (81), bayi-bayi yang akan ditindik lubang telinga, akan diarak di sepanjang rumah panjang secara berulang-ulang sebanyak tiga kali. Kemudian, ibu bapa bayi akan mengambil tempat duduk masing-masing di ‘ruai’ tukang tindik itu. Dalam upacara ini, lazimnya tukang tindik yang dipilih ialah

terdiri daripada mereka yang arif, serta mahir tentang cara mencucuk jarum di cuping telinga dan sihat-walafiat.

Tukang tindik akan menggunakan peralatan seperti jarum, benang, kunyit dan kapur sirih. Sebelum menindik, tukang tindik tersebut akan menyapukan kunyit yang telah digaulkan dengan kapur sirih, ini adalah bertujuan agar bayi itu tidak merasa terlalu sakit sewaktu kerja menindik sedang dijalankan.

Setelah ditindik lubang telinga, benang kira-kira satu inci panjangnya akan dimasukkan ke bekas cucukan atau tindikan melalui lubang yang dibuat, dan kedua-dua hujungnya disimpulkan supaya tidak tercabut keluar. Sebelum berakhirnya upacara menindik, setiap orang bayi akan mendapat sebuah tempayan daripada tukang tindik sebagai adat. Jika adat menindik tidak dijalakan terhadap anak sulung perempuan, dikhawatir cuping telinganya akan menanah dan akhirnya buruk dan boleh mencacatkan cuping telinga kanak-kanak perempuan itu.

5.13 Tembikar Dan Hukum Adat Kematian

Dalam masyarakat Iban, apabila ada satu-satu kematian, majlis itu dijalankan dengan penuh adat-istiadat di rumah panjang. Lazimnya, semua penghuni di rumah panjang pada masa itu hendaklah menghormati si mati dan keluarganya, dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Contohnya penghuni rumah panjang bergotong-royong membuat keranda daripada kayu belian.

Telah diadatkan, bahawa keranda si mati mesti berjaya disiapkan dalam masa satu hari sahaja. Jika keranda tersebut disiapkan lebih daripada satu hari, ini merupakan satu petanda yang tidak baik mungkin berlaku dalam keluarga si mati tersebut. Lazimnya si mati akan diberi sebuah ‘tajau’ sebagai cenderamata daripada keluarganya.

Untuk keterangan dengan lebih lanjut, sila rujuk di lampiran A, gambar ‘Tempayan Menaga’ sebagai cenderamata kepada si mati dan tempayan tersebut hendaklah ditanam di tepi kubur si mati seperti yang terdapat pada gambar nombor 64. Dalam kes yang lain, jika mayat si mati tidak berjaya ditemui, tempayan hendaklah digunakan sebagai menggantikan keranda.

Beberapa hukum adat tentang kematian yang ada kaitan dengan penggunaan tembikar adalah seperti berikut :

5.13.1 Ngerapoh Bangkai

Istiadat kematian jenis ini amat berlainan daripada kematian biasa. Dalam kes tersebut, mayat si mati gagal ditemui. Contohnya, orang yang mati lemas, mati semasa pergi berburu di hutan dan yang mati sesat di hutan.

Atur cara penyempurnaan kematian jenis tersebut hendaklah menggunakan sebuah tempayan besar. Tempayan itu sebagai menggantikan keranda. Semua barang

kepunyaan si mati disimpan di dalam tempayan itu dan barang-barang tersebut menggantikan mayat si mati yang tidak dapat ditemui.

Pada malam itu, kira-kira jam pukul tujuh malam satu ‘gendang rayah’ (upacara berdendang secara besar-besaran) diadakan di rumah panjang si mati, tetapi sebelumnya, satu upacara ‘miring’ wajib diadakan bagi memohon restu daripada ‘Petara’ supaya hajat mereka dimakbulkan. Tujuan upacara berdendang ini adalah untuk memanggil balik semangat si mati. Semasa upacara tersebut dijalankan sejenis bau yang teramat busuk akan menyelubungi di seluruh kawasan rumah panjang itu. Ini dipercayai semangat si mati telah balik ke rumah panjang tersebut.

Kemudian pada sebelah malamnya pula, ahli-ahli ‘lemambang’ (para pakar menyanyikan mantera Iban) menyanyikan mantera pada sepanjang malam yang bertujuan menghantar semangat si mati ke ‘dunia sebayan’ (dunia akhirat) dengan selamat. Ini kerana masyarakat Iban percaya tentang kewujudan semangat si mati di dunia baharu yang dikenali sebagai ‘dunia sebayan’ iaitu dunia akhirat. Kehidupan manusia di dunia adalah sementara sahaja tetapi kehidupan manusia di ‘dunia sebayan’ adalah berkekalan (Benedict Sandin, 1967: 104).

Pada keesokan paginya, tempayan itu di hantar ke perkuburan untuk dikebumikan. Adat ‘ngulit’ (majlis berkabung dalam jangka masa yang telah ditetapkan) pun bermula di rumah panjang tersebut. Semua penghuni rumah panjang diwajibkan menghormati adat ‘ngulit’ itu. Banyak perkara dilarang dalam tempoh

tersebut. Contohnya dilarang ‘bedungai berambai’ (menyanyikan lagi mantera), bermain alat-alat muzik dan tidak dibenarkan mengadakan sebarang majlis keramaian dalam tempoh itu.

5.13.2 Ruai Pandang Bangkai

Jika ‘ruai’ pandang bangkai, keluarga si mati kedua-dua belah pihak akan memberi adat ‘genselan’ dengan dua ekor ayam, ‘kering semangat’ dengan dua bilah parang dan parang-parang itu akan diletakkan di hujung ‘ruai’ si mati. Kemudian ‘kurung semangat’ dengan dua buah pinggan tembikar.

Pinggan-pinggan itu akan diikat pada tiang tengah ‘ruai’ si mati. Kedua-dua buah permukaan pinggan tersebut diatur berhadapan antara satu sama lain. Ia bertujuan agar keluarga yang kena pandang bangkai itu tidak menghadapi apa-apa bencana kerana semua bencana itu telah diampunkan dengan menggunakan pinggan-pinggan tersebut.

5.13.3 Nyabak Bebuah

Menurut informan Chilie Anak Sirai (60), dalam masyarakat Iban, setelah mayat dikebumikan, satu upacara khas perlu diadakan. Upacara tersebut bertujuan bagi mengiringi semangat si mati yang pulang ke ‘dunia sebayan’. Dengan berbuat demikian masyarakat Iban percaya bahawa semangat si mati akan tenteram, aman

dan damai selamanya di dunia akhirat. Semangat orang mati berkekalan menjadi ‘antu’ di ‘dunia sebayan’ sehingga kepada suatu masa ia akan lenyap menjadi embun dan seterusnya memasuki tumbuh-tumbuhan dan badan manusia (Erik Jensen, 1974 : 8).

Atur cara ini bermula sebaik sahaja mayat itu dikebumikan. Ia berlangsung selama tiga hari. Tukang ‘nyabak bebuah’ (tukang melakukan mantera) ini adalah bukan orang sembarangan. Ia terdiri daripada orang-orang yang telah dianugerahkan dengan mimpi oleh kuasa luar biasa.

Pakar tersebut akan menyanyikan mantera-manteranya dengan cara menggunakan satu buaian khas. Antara isi kandungan manteranya ialah menghantar semangat si mati pulang ke ‘dunia sebayan’ melalui satu sungai khas yang dinamakan ‘Sungai Mandai’. Masyarakat Iban percaya sungai tersebut terletak di Sungai Kapuas iaitu laluan asal mereka semasa buat pertama kali memasuki Sarawak pada pertengahan abad ke-16 Masehi.

Apabila upacara tersebut tamat, pakar yang menyanyikan mantera itu diberi pengeras seperti berikut :

- (i) Sebuah tempayan.
- (ii) Sehelai kain sarung.
- (iii) Sebilah parang.

- (iv) Wang sagu hati.

Pemberian pengeras ini adalah sesuatu yang amat penting, kerana ia dapat menyelamatkan semua ahli keluarga si mati itu dan pakar mantera tersebut daripada sebarang bencana.

5.13.4 Tembikar Dan Adat ‘Ninggal’ Si Mati

Tembikar dalam adat yang ditinggalkan si mati kepada keluarganya adalah mengikut beberapa kriteria tertentu. Misalnya jika orang yang mati itu ialah seorang Penghulu, mempunyai pelajaran, dan anak-anaknya semua berjaya dalam bidang pelajaran, adat itu harus bersesuaian dengan pencapaian semasa hayatnya dan kriteria-kriteria itu ditetapkan melalui adat ‘ngulit’.

Jika orang Iban meninggal dunia, masyarakat Iban di rumah panjang akan ‘ngulit’ atau dikenali sebagai adat berkabung yang telah ditetapkan. Semasa tempoh berkabung itu, masyarakat Iban di rumah panjang tidak boleh mengadakan apa-apa upacara yang berbentuk hiburan seperti menyanyi, bergendang dan bermain alat muzik yang boleh memberi hiburan.

Jika sesiapa yang didapati melanggar adat tersebut maka dia harus dikenakan ‘tunggu’ atau dihukum dan nilai ‘tunggu’ itu adalah tidak sama. Ia adalah bergantung

kepada kejayaan, pencapaiannya dalam hidup dan ketinggian budi-pekerjanya semasa hayatnya.

Menurut informan Anna Durin, (46), bapa mertuanya telah meninggal dunia dan telah ‘ninggal’ dua buah ‘Alas Ngerang’ (dua buah tempayan besar) iaitu sama dengan nilai sebuah ‘Rusa’ (martabat tempayan yang lebih tinggi). Menurut kepercayaan masyarakat Iban, ini kerana semasa hayatnya si mati merupakan seorang yang berjaya dalam kehidupannya.

Si mati merupakan seorang bekas Guru Besar. Di rumah panjang si mati seorang yang dihormati kerana ketinggian peribadinya. Tambahan pula semua anaknya berjaya dalam bidang pelajaran dan telah menjawat pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam. Bagi masyarakat Iban, jika anak-anak mereka di rumah panjang menjawat jawatan dengan kerajaan, ia sudah dianggap satu kejayaan bagi para ibu bapa mereka. Dalam pada itu, jika adat berkabung itu dilanggar, maka seseorang itu harus membayar ‘tunggu’ dengan dua buah ‘Alas Ngerang’ kepada keluarga si mati.

Jika seorang Temenggong meninggal dunia, contohnya Temenggong Montigerai telah meninggal dunia pada pertengahan 90-an, dan kerana beliau merupakan seorang Temenggong, adat yang ditinggalkannya ialah merupakan sebuah ‘Ningka’ iaitu kategori ‘tajau’ yang kedua tertinggi dalam kelas ‘tajau’ masyarakat Iban.

Tambahan pula semasa hayatnya, si mati merupakan seorang yang menyandang jawatan tinggi dalam politik masyarakat Iban serta seorang yang berpangkat dan dihormati oleh masyarakat. Kaedah atau kriteria pemilihan dan orang yang memutuskan adat ‘ninggal’ si mati adalah terdiri daripada mereka yang pakar dalam hukum adat.

Pada malam ‘nyengai’ (malam untuk orang ramai memberi penghormatan kepada si mati) semua ketua yang memegang adat atau ketua-ketua adat di sesebuah rumah panjang akan bermesyuarat bagi membincangkan dan seterusnya memutuskan adat ‘ninggal’ si mati. Keputusan mengenai adat yang ditinggalkan si mati adalah bergantung kepada hasil mesyuarat ketua-ketua adat tersebut.

Apabila tiba sesi pembentangan adat yang ditinggalkan si mati, pada malam berikutnya, sesiapa yang tidak bersetuju sama ada adat itu terlalu besar atau terlalu kecil, boleh membantah adat tersebut. Adat yang ditinggalkan si mati dalam konteks ini adalah bermaksud menetapkan kategori tempayan yang layak dan sesuai untuk dibayar oleh sesiapa yang melanggar adat berkabung itu.

Kategori ‘tajau’ atau tempayan seperti ‘Mingka’, ‘Ningka’, ‘Menaga’, ‘Rusa Geri’ dan ‘Rusa Indu’ adalah kategori tempayan berkaitan adat ‘ninggal’ si mati yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat Iban. Walau bagaimanapun, adat dan kategori tempayan tersebut tidak semestinya diberikan kepada si mati yang berjawatan tinggi atau golongan masyarakat yang kaya-raya

sahaja. Ia adalah tertakluk kepada keputusan ketua-ketua adat untuk memutuskannya berdasarkan kepada beberapa kriteria penilaian mereka. Salah satu kriteria yang diambilkira ialah kemuliaan dan keluhuran budi pekerti seseorang itu semasa hidupnya.

Dalam masyarakat Iban, jika adat terlalu tinggi diberikan kepada si mati, ia dikhuatiri akan mendatangkan apa yang dikenali dalam masyarakat Iban sebagai ‘takut ka berat menawa’ yang membawa maksud adat yang terlalu tinggi ditinggalkan oleh si mati contohnya si mati ‘ninggal’ adat dengan sebuah Mingka, perkara ini dipercayai boleh melemahkan semangat seluruh keluarga si mati. Dikhuatiri ada ahli keluarga yang jatuh sakit dan sebaginya.

Perkara tersebut berlaku kerana ia telah diadatkan sedemikian rupa berdasarkan tradisi masyarakat Iban. Tembikar bukan sahaja merupakan cenderamata kepada si mati malah ia juga merupakan sebagai satu objek wajib bagi mematuhi hukum adat berkaitan si mati.

Lantaran itu, sesebuah keluarga masyarakat Iban adalah amat penting memiliki ‘tajau’ atau tempayan dalam keluarga mereka. Ia bukan sahaja dilihat untuk kegunaan seharian, malah dianggap sebagai satu pusaka yang mereka wajib miliki. Masyarakat Iban percaya dengan memiliki barang tembikar dalam jumlah yang banyak, ia secara tidak langsung mencerminkan bahawa sesebuah keluarga itu adalah sebuah keluarga yang bermaruah dan dihormati.

5.13.5 Tembikar Dalam Adat Berkabung

Apabila orang yang mati telah dikuburkan, satu taklimat khas diadakan untuk membincangkan tentang jangka masa dan aturcara berkabung di rumah panjang. Keluarga si mati akan menyimpan satu barang khas di dalam ;Kebok; (tempayan kecil) yang ditutup dengan rapi dan tempayan itu tidak boleh dibuka sepanjang tempoh waktu berkabung tersebut. Ini kerana ia dikhawatir boleh mendorong bencana kepada keluarga si mati. Apabila tempoh berkabung tamat, tempayan itu boleh dibuka. Ia menandakan bahawa masa berkabung telah tamat.

5.13.6 Tembikar Dalam Hukum Adat Tentang Balu

Dalam masyarakat Iban, apabila berlaku sesuatu kematian terhadap salah seorang pasangan suami isteri, kemudian suami atau isteri berstatus balu. Biasanya seseorang menantu itu amat hormat serta taat kepada ibu atau bapa mertua mereka. Lantaran itu, dalam tradisi masyarakat Iban seseorang menantu adalah dilarang sama sekali menyebut nama ibu atau bapa mertua mereka kerana boleh mendorong bencana. Tulah.

Dalam kes balu tersebut, jika keluarga si mati masih menganggap bahawa Si balu masih kekal sebagai anak menantunya, adat perlu dikenakan dalam kes ini, iaitu pihak keluarga si mati perlu membayar kepada Si balu dengan sebuah gong atau dengan sebuah ‘tajau’. Adat ini penting sebagai tanda bahawa Si balu telah diberi

satu penghormatan yang mulia dalam masyarakat di rumah panjang itu. Adat ini masih dipegang sehingga sekarang.

5.13.7 Tembikar Dalam Hukum Adat Membuka Kujuk

Semasa berlangsung upacara ‘Gawai Antu’ (kenduri-kendara untuk orang yang telah meninggal dunia) dibina satu tempat khas yang diberi nama kujuk (tempat meletakkan pelbagai jenis makanan). Kujuk itu didinding dengan kain pua kumbu. Apabila tetamu hendak membuka kujuk itu, maka mereka harus membayar adat tersebut dengan sebuah tempayan ‘Alas Ngerang’ dan wang derma terpulang kepada tetamu, tetapi biasanya ia dibuka dengan wang tunai sebanyak tiga ratus ringgit. Adat itu adalah sebagai tanda terima kasih tetamu kepada tuan rumah. Kujuk itu tidak boleh dibuka jika ia tidak menggunakan adat tersebut.

Penggunaan tembikar dalam hukum adat boleh diringkaskan seperti tabel berikut :

Bil	Jenis Tembikar	Jenis Hukum Adat
1	Mungkul /Kebok	Pembinaan Rumah Panjang
2	Mungkul/Kebok	Pantang Larang Di Rumah Panjang
3	Mungkul/Kebok	Salah Laku Di Rumah Panjang
4	Tajau	Mengambil Anak Angkat/Adik Angkat
5	Pinggan, Kebok, Tajau	Pertanian
6	Pinggan, Mungkul, Tajau	Larangan Hubungan Kelamin
7	Pinggan, Mangkuk, Jabit, Tajau	Perkahwinan
8	Mungkul, Jabir	Perceraian
9	Kebok, Tajau	Kelahiran
10	Kebok/Mungkul	Ngambi Teboh
11	Kebok/Mungkul	Menindik Lubang Di Cuping Telinga
12	Tajau	Kematian
13	Tajau	Ngerapoh Bangkai
14	Pinggan	Ruai Pandang Bangkai
15	Kebok	Nyabak Bebuah
16	Mingka, Ningka, Menaga, Rusa, Alas Ngerang, Jabir	Adat 'Ninggl' si mati
17	Kebok	Berkabung
18	Tajau/Alas Ngerang	Membuka Kujuk

Kesimpulannya, Hukum Adat dalam masyarakat Iban dilihat begitu kompleks kerana ia bertunjangkan adat tradisi yang dipegang serta diamalkan sejak turun-temurun. Hukum Adat itu terdiri daripada pelbagai pengisian. Pengisian-pengisian itu digunakan, diperkembang, dihormati, dimuliakan, dipuja dan akhirnya ia diadatkan dan memiliki kesakralan. Contohnya, penggunaan objek tembikar dalam hukum adat tersebut menjadikan ia lebih mantap. Ini kerana tembikar itu sendiri dilihat sebagai satu objek yang bernyawa, mempunyai semangat, sakral, mempunyai martabat yang amat tinggi dan memiliki pelbagai kuasa luar biasa yang boleh membantu pengguna-penggunanya dalam pelbagai aspek kehidupan.

Oleh sebab itu kuasa luar biasa tersebut hendaklah dihormati dan dipuja dengan pelbagai upacara seperti upacara ‘miring’. Pemujaan terhadap objek tembikar itu menjadikan ia lebih sakral. Ini kerana tembikar-tembikar itu mempunyai semangat yang baik dan juga mempunyai semangat yang jahat. Oleh hal yang demikian, setiap perlanggaran dalam hukum adat masyarakat Iban, perlu dibayar dalam bentuk ‘tunggu’ iaitu dengan membayar denda tersebut dalam bentuk matawang, parang dan barang tembikar khasnya tempayan.

‘Tunggu’ dalam erti kata lain adalah sebagai membayar denda atau ganti rugi bersabit dengan kesalahan-kesalahan atau sebagai pelengkap yang sempurna kepada hukum adat yang diamalkan bak seperti kata pepatah orang Iban “**Bejalai Betungkat ka Adat Tinduk bepanggal ka Pengingat**” yang bermaksud menghormati dan